

INFOKUS



JUN 2025 | Bil. 91
www.umt.edu.my

**Candat Sotong
Perdana Alumni
UMT 2025** Pupuk
Ukhuwah dan
Prihatin Komuniti

**UMT Korban
10 Ekor Lembu**
Sempena Sedekad
Masjid UMT

**Kraftangan Orang
Asli Sungai Berua**
Titik Permulaan
Ekonomi Komuniti
Berdaya Saing

eISSN 2716-6457



9 772716 645004

Terkini DI PASARAN



RM46.00

Qualitative Approach with ATLAS.ti Software for Music Education and Performing Arts Research

Pengarang

Azlina Musa
Kenny S. L. Cheah
Beh Wen Fen

ISBN: **978-629-7625-72-0**
Tahun: **2025**




RM48.00

Asas Kemahiran Komunikasi Organisasi

Pengarang

Che Hasniza Che Noh
Ab Aziz Yusof
Noor Aisyah Abdul Aziz

ISBN: **978-629-7625-75-1**
Tahun: **2025**



RM34.00

Pathways to Sustainable Food Security: Lessons from ASEAN-5

Pengarang

Lim Thye Goh
Sook Lu Yong
Santha Chenayah
Sheue Li Ong

ISBN: **978-629-7625-80-5**
Tahun: **2025**



RM60.00

Managing Mental Health in Higher Education Institutions

Pengarang

Norhayati Ab Manaf
Hengky Oktarizal
Aisyah Awanis

ISBN: **978-629-7625-79-9**
Tahun: **2025**

like and follow us on



penerbitumt

SIDANG REDAKSI



Penaung

Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim



Penasihat

Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh



Ketua Pengarang

Mohd Afifullah Ahmad



Pereka Grafik

Wan Farida Hamimi Wan Ismail

Pembaca Prof

Azeeha Ibrahim dan Nur Nabilah Syakirah Mat Usuf

Jurufoto

Media Kreatif UMT, Koleksi Pengarang & Kecerdasan Buatan

KANDUNGAN

- | | |
|----|---|
| 4 | Candat Sotong Perdana Alumni UMT 2025 Pupuk Ukhuwah dan Prihatin Komuniti |
| 6 | UMT Korban 10 Ekor Lembu Sempena Sedekad Masjid UMT |
| 8 | Kraftangan Orang Asli Sungai Berua Titik Permulaan Ekonomi Komuniti Berdaya Saing |
| 10 | Alumni Homecoming 2025 Agenda Utama Kunjungan Hormat UMT kepada Pro Canselor |
| 12 | Modul Matematik Raih Emas dan Anugerah Khas Pertandingan Edu@Innovate 2025 |
| 14 | UMT Meterai MoU Bersama SEDC Fisheries Sdn. Bhd. Teroka Peluang Strategik Industri Akuakultur dan Perikanan |
| 15 | Kunjungan Hormat Akuatrop ke Pejabat Timbalan Menteri M-FICORD Sarawak Kukuhkan Jalinan Kerjasama Strategik |
| 16 | UMT Sertai Pertandingan Kutip Sampah Spogomi World Cup Malaysia |
| 18 | PPAL UMT Menyemai Lestari Alam Menjana Celik Wang |
| 20 | Mobiliti Outbound ke Universitas Padjadjaran Buka Ruang Kerjasama Berimpak Tinggi |
| 23 | Program Mobiliti Outbound Prince of Songkla University Kukuhkan Kerjasama Akademik Rentas Sempadan |
| 26 | PPAL Terap Literasi Sains Didik Murid Jauhi Vape, Rokok dan Dadah |
| 28 | Kursus Perdana Haji 1446H Himpunkan Para Dhuyufurahman Seluruh Terengganu |
| 30 | Chem&Care Singkap Bahaya Tersembunyi di Sebalik Krayon |
| 32 | Hari Penyelidikan FSKM 2025 Lebarkan Jaringan Penyelidikan dan Kerjasama Akademik |
| 34 | Festival Ramadan 1446H Erat Hubungan Silaturrahim Warga Kampus dan Komuniti |
| 35 | Program Jiwa Murni Dekatkan Palapes Darat UMT dengan Masyarakat |
| 36 | Santuni Kasih FSKM Rai Anak Yatim Darul Falah |
| 37 | Pendakian Bukit Tok Salai Menyatukan Komuniti dan Alam |
| 38 | Solusi Kehidupan dengan Terapi Zikir Asma'ul Husna Al-Fattah |



Candat Sotong **PERDANA ALUMNI UMT 2025**

Pupuk Ukhuwah dan Prihatin Komuniti

oleh: Noorullailly Saffain
Pusat Alumni


Program Candat Sotong Perdana Alumni UMT 2025 telah diadakan di Jeti Kampung Batin, Seberang Takir, Kuala Terengganu pada 15 dan 16 Mei 2025. Program ini menghimpunkan seramai 115 peserta terdiri daripada Alumni UMT, kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Alumni Chapter Selatan serta komuniti setempat. Tujuan utama penganjuran adalah memupuk jalinan ukhuwah dan semangat kebersamaan antara alumni, universiti dan masyarakat.

Program ini merupakan anjuran Pusat Alumni, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, OMAF Apparel, Kelab Memancing

Anglers Club UMT serta Persatuan Alumni UMT. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mempromosikan aktiviti rekreasi laut berasaskan identiti kelautan UMT serta membentuk jaringan alumni yang kukuh dan proaktif.

Pada hari pertama, program dimulakan dengan pelepasan bot dan peserta yang disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor HEPA, Profesor Dr. Mohd Izani Mohd Zain. Para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut bot yang dipilih menerusi sesi undian sebelum memulakan aktiviti mencandat sotong di perairan Kuala Terengganu yang berlangsung pada waktu malam.


Kumpulan Alumni Chapter Selatan telah dinobatkan sebagai juara, diikuti



oleh dua kumpulan dari UMPSA yang meraih tempat kedua dan ketiga. Hadiah disampaikan oleh Pengarah Pusat Alumni, Prof. Madya ChM. Dr. Mohd Zul Helmi Rozaini. Turut hadir dalam sesi ini ialah Presiden Persatuan Alumni UMT, Encik Mohd Khairul Hakimi Mohd Nawi.

Hasil keuntungan penganjuran program ini telah disumbangkan kepada Persatuan Kebajikan Nelayan Kuala Nerus selaras dengan usaha Pusat Alumni untuk menyokong program kebajikan dan memperkukuh hubungan bersama komuniti setempat.

Oleh kerana sambutan yang amat menggalakkan, program ini bakal dijadikan sebagai acara tahunan dalam kalendar aktiviti Pusat Alumni UMT dan akan memperluaskan lagi penyertaan kepada Pusat Alumni universiti lain pada masa akan datang.





UMT KORBAN 10 EKOR LEMBU

Sempena Sedekad Masjid UMT

Oleh: Faizah Ismail
Pusat Islam Sultan Mahmud

Sempena sedekad penubuhan Masjid UMT, Pusat Islam Sultan Mahmud (PISM) dengan kerjasama Maybank Islamic Berhad dan RHB Islamic Berhad telah menumbangkan 10 ekor lembu sempena program Korban Perdana yang telah diadakan pada 9 Jun 2025 bertempat di perkarangan Masjid UMT.

Program Korban Perdana diadakan pada setiap tahun bermula tahun 2015, namun kelainan pada tahun ini adalah buat pertama kalinya bilangan lembu korban berjumlah 10 ekor, sebagai simbolik sedekad penubuhan Masjid UMT.

Seramai 50 orang *Asnaf Crew* yang merupakan sukarelawan pelajar bersama-sama dengan warga UMT dan komuniti bergotong-

royong menyembelih, melapah dan mengagihkan daging korban kepada komuniti sekitar.

Menurut Ketua PISM, Dr. Kasyfullah Abd Kadir, sebanyak 250 kilogram daging korban telah diagihkan kepada 250 keluarga dari tiga qaryah sekitar Masjid UMT iaitu Kampung Kubang Badak, Kampung Pak Tuyu dan Kampung Tanjung Gelam.

Menurutnya lagi, program ini bukan sahaja memperkukuh semangat pengorbanan dalam kalangan warga kampus, malah memperlihatkan peranan masjid dalam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

“Ibadah korban ini mencerminkan semangat kebersamaan dan kepedulian sosial masjid sebagai institusi rahmah. Sempena ulang tahun ke-10 Masjid UMT,



kami beriltizam untuk terus menyantuni komuniti dan memperluas manfaat melalui program seperti ini”, katanya.

Bagi pelajar Sa’adah Radzi, pelajar tahun tiga Sarjana Muda Pengurusan Maritim, keputusan yang diambil untuk tidak pulang ke kampung pada cuti perayaan Aidiladha yang lalu telah memberikan pengalaman berharga apabila terlibat sebagai sukarelawan korban. Di samping dapat belajar menguruskan program tersebut, beliau bersyukur kerana dapat mengeratkan ukhuwah sesama pelajar UMT dan juga komuniti setempat yang hadir.

Masjid UMT yang mula beroperasi pada tahun 2015 akan terus komited dalam mendukung agenda pembangunan rohani, kebajikan dan pendidikan masyarakat menerusi pelbagai inisiatif yang melibatkan sinergi antara universiti dan komuniti.

Sebagai tanda kesyukuran, daging korban juga dimasak dan juadah istimewa tersebut dinikmati oleh warga UMT dan orang ramai dalam kenduri Aidiladha yang diadakan pada hari yang sama di Masjid UMT.



KRAFTANGAN ORANG ASLI SUNGAI BERUA

Titik Permulaan Ekonomi Komuniti Berdaya Saing

oleh: Dr. Norhayati Ab Manaf
Tuan Mohd Najwa Fuad Tuan Man
Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari



Terletak di pedalaman Hulu Terengganu, Kampung Sungai Berua yang dihuni komuniti Orang Asli kini sedang menempuh fasa perubahan yang sangat bermakna. Buat pertama kalinya, hasil tangan komuniti ini mendapat perhatian sewajarnya melalui satu inisiatif menyeluruh iaitu Projek Pembuatan Produk Kraftangan Komuniti Orang Asli Kg. Sungai Berua, yang dilaksanakan di bawah Program SEJATI MADANI@KPT.

Projek ini bukan sekadar satu siri latihan kraftangan, tetapi satu pendekatan menyeluruh ke arah memperkasa ekonomi komuniti luar bandar dengan memanfaatkan kekuatan

budaya dan warisan tempatan. Bengkel yang bermula pada 1 Oktober 2024 dan akan berlangsung sehingga 1 Oktober 2025 ini bertujuan membentuk komuniti yang bukan sahaja mahir menghasilkan kraftangan, malah bersedia memasarkan produk mereka ke peringkat yang lebih luas.

Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (IBTPL), telah diberikan kepercayaan untuk memacu inisiatif ini dengan kerjasama erat pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Perdana Menteri (Unit Penyelarasan Pelaksanaan - ICU), Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu (PPPN), Jabatan Kemajuan



Orang Asli (JAKOA), dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Komitmen bersama ini menggambarkan semangat MADANI yang diketengahkan oleh Kerajaan yang menekankan keterangkuman, keprihatinan dan kelestarian.

Majlis penutup Bengkel Kraftangan yang berlangsung pada 30 April 2025 di Dewan Serbaguna Pentadbiran JAKOA, Kg. Sungai Berua, menjadi simbolik kepada kejayaan fasa pertama projek ini. Kehadiran dan pengiktirafan daripada pemimpin tempatan termasuk Pengarah Pembangunan Negeri Terengganu, Tuan Haji Abdul Kahar Abdul Latif dan Pegawai Daerah Hulu Terengganu, Tuan Haji Lizan Che Mat menyerlahkan betapa pentingnya peranan komuniti Orang Asli dalam pembangunan sosioekonomi negara. Lebih membanggakan, para peserta bengkel bukan sahaja menerima sijil penyertaan, malah turut mempamerkan hasil kraftangan mereka kepada umum yang menjadi langkah awal ke arah penjenamaan dan pemasaran produk.

Di sebalik kejayaan ini, terselit dedikasi tenaga pengajar dan penyelaras projek dari UMT yang bertungkus-lumus memastikan setiap aspek pembangunan komuniti diberi perhatian. Projek ini diketuai oleh Dr. Norhayati Ab Manaf selaku Penasihat Projek, dengan sokongan ahli projek Dr. Siti Norasikin Ismail dari IBTPL dan Tuan Mohd Najwa Fuad bin Tuan Man dari Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI), UMT.

Melalui pemindahan ilmu, kemahiran, dan sokongan berterusan, usaha ini mampu meletakkan komuniti Orang Asli Kg. Sungai Berua sebagai contoh kejayaan pembangunan inklusif yang lestari. Projek ini bukan sekadar satu program jangka pendek, tetapi satu pelaburan jangka panjang terhadap potensi manusia dan warisan budaya. Ia menjadi bukti bahawa apabila kerajaan, institusi pengajian tinggi dan masyarakat berganding bahu, perubahan yang menyeluruh dan berimpak tinggi mampu direalisasikan.



ALUMNI HOMECOMING 2025

Agenda Utama Kunjungan Hormat UMT kepada Pro Canselor

Oleh: Norul Hanizan Hazin
Pusat Alumni

UMT terus melangkah ke hadapan dalam memperkukuh jaringan alumni apabila mengadakan kunjungan hormat ke atas Pro Canselor, Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, sempena perancangan *Majlis Alumni Homecoming 2025* yang bakal berlangsung pada 12 Julai 2025 di Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur.

Sesi kunjungan dan pembentangan taklimat yang berlangsung pada 15 April 2025 di Pejabat Pengerusi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Menara KWSP, Kwas Damansara. Pertemuan selama hampir dua jam itu membincangkan secara menyeluruh cadangan penganjuran majlis gilang-gemilang tersebut yang bertemakan “*Golden Threads of Yesterday*”.

Delegasi UMT diketuai oleh Naib Canselor, Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim, bersama barisan pengurusan tertinggi universiti, termasuk Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Mohd Izani Mohd Zain.

Majlis Alumni Homecoming merupakan platform bermakna yang bukan sahaja merapatkan kembali hubungan dalam kalangan alumni, malah turut menyaksikan pelancaran Kempen Sumbangan Rumah Wakaf Alumni UMT serta pengenalan rasmi Pro Canselor UMT kepada alumni UPMT, KUT, KUSTEM dan UMT.

Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki menyambut baik perancangan tersebut dan menzahirkan sokongan padu terhadap usaha UMT. “Saya amat menyokong penuh inisiatif yang



dilaksanakan oleh pihak UMT ini. Ia merupakan langkah yang tepat dalam memastikan hubungan alumni dan universiti terus kukuh dan bermakna”, ujar beliau dalam pertemuan tersebut.

Beliau turut menegaskan peranan alumni sebagai ejen perubahan. “Penglibatan alumni tidak harus terhad kepada sumbangan kewangan semata-mata. Mereka harus menjadi pemangkin kecemerlangan universiti melalui kepakaran, jaringan industri dan sumbangan idea yang bernas”, tambah beliau.



Kunjungan hormat ini menjadi detik penting dalam usaha membina kolaborasi strategik antara UMT dan Pro Canselor, seterusnya memperkukuh ekosistem alumni sebagai tulang belakang kecemerlangan institusi. Inisiatif ini selaras dengan visi UMT untuk muncul sebagai universiti bertaraf global yang berteraskan nilai kekitaan dan pembangunan lestari.



MODUL MATEMATIK RAIH EMAS DAN ANUGERAH KHAS Pertandingan EDU@INNOVATE 2025

oleh: Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri Husin
Azniezam Ab Halim
Fakulti Sains Komputer dan Matematik



Seramai lapan orang mahasiswa dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah melakar kejayaan apabila memenangi dua pingat emas di pertandingan *International Education Innovation Competition* (Edu@Innovate 2025) yang berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 19 dan 20 Mei 2025. Delegasi UMT yang dibimbingi oleh Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri Husin telah membawa dua inovasi dalam bidang pendidikan matematik iaitu “*Math Workshop: Living in Society*” dan “*International MathAid+ Scholar*”, masing-masing diketuai oleh Nurdini Kirana Hakimi daripada program Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan) dan Muhammad Afham Saipulismi daripada program Sarjana Muda Sains (Analitik Data).

Kedua-dua inovasi berjaya meraih pengiktirafan tertinggi apabila memenangi pingat emas, manakala inovasi “*Math Workshop: Living in Society*” turut dinobatkan sebagai “*Best of Gold*” bagi kategori C (Pelajar Pascasiswazah Institusi Pengajian Tinggi) serta menerima Anugerah Khas berupa pakej sokongan pengkomersialan bernilai RM5,000.

Inovasi “*Math Workshop: Living in Society*” merupakan modul pembelajaran yang dibangunkan sejajar dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang bertujuan membantu pelajar sekolah rendah memahami konsep asas matematik melalui pendekatan interaktif dan aktiviti permainan. Modul ini juga memperkasa kemahiran insaniah pelajar melalui

aktiviti berkumpul yang menekankan elemen kerjasama, komunikasi, dan tanggungjawab.

Menyedari kesan positifnya, modul ini kini dalam proses penerbitan dan pengkomersialan di Malaysia bagi membolehkan capaian lebih luas terutama kepada pelajar di kawasan luar bandar yang memerlukan sumber pembelajaran yang menarik dan interaktif. Menurut Nurdini Kirana, beliau tidak menjangkakan kemenangan yang diperoleh di pentas Edu@Innovate 2025. Kejayaan tersebut memberikan suntikan semangat kepada beliau dan pasukannya untuk memperluas penggunaan modul ini ke sekolah-sekolah luar bandar yang memerlukan pendekatan pembelajaran lebih interaktif. Pihaknya juga merancang untuk membangunkan versi modul dalam bahasa Inggeris bagi tujuan pengkomersialan ke peringkat antarabangsa.



Sementara itu, inovasi “*International MathAid+ Scholar*” mengetengahkan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan dan kepelbagaian budaya dalam memupuk minat serta pemahaman mendalam terhadap matematik. Sejak 2022, program ini telah dijalankan di pelbagai institusi termasuk di Malaysia, Indonesia, dan Thailand, menjadikannya platform bersifat antarabangsa. Kejayaan modul ini juga telah membuka peluang penerbitan jurnal, pendaftaran hak cipta modul dan penandatanganan beberapa *Letter of Intent* (LoI) bersama institusi pendidikan luar negara sebagai tanda komitmen Kerjasama masa depan.



Kejayaan mahasiswa UMT ini membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran matematik yang berasaskan inovasi, kerjasama dan keterlibatan komuniti mampu mencipta impak besar terhadap pelajar, guru, dan institusi. Ia turut mencerminkan kemampuan mahasiswa UMT sebagai pemacu perubahan dalam landskap Pendidikan negara dan global.

1. Sesi penilaian daripada pihak juri.
2. Penyampaian anugerah “Best of Gold” kepada kumpulan inovasi Math Workshop: Living in Society.
3. Penyampaian pakej sokongan pengkomersialan bernilai RM5,000 kepada kumpulan inovasi Math Workshop: Living in Society.

UMT METERAI MOU BERSAMA SEDC FISHERIES SDN. BHD.

Teroka Peluang Strategik Industri Akuakultur dan Perikanan

oleh: Rohisyamuddin Othman
Prof. Dr. Muhammad Ikhwannuddin Abdullah
Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan

UMT dan SEDC Fisheries Sdn. Bhd.

telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah berlangsung pada 8 Mei 2025 di Menara SEDC, Kuching, Sarawak. Majlis ini menandakan permulaan kerjasama strategik antara institusi akademik terunggul dalam bidang kelautan serta akuatik dan syarikat peneraju industri perikanan di Sarawak. SEDC Fisheries Sdn. Bhd. juga merupakan anak syarikat *Sarawak Economic Development Corporation* (SEDC).

UMT diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim manakala pihak SEDC Fisheries Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengurus Besar, Datu Haji Abdul Hadi Datuk Haji Abdul Kadir.

MoU ini dimeterai bertujuan memperkukuh hubungan antara universiti dan industri dalam aspek penyelidikan, pemindahan teknologi, latihan industri serta pembangunan modal insan dalam bidang akuakultur dan perikanan.

Melalui kerjasama ini, UMT akan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepakaran penyelidikannya bagi mempertingkatkan kecekapan operasi SEDC Fisheries Sdn. Bhd.,



terutamanya dalam aspek pengurusan sumber perikanan, ternakan akuakultur, pemprosesan produk, dan penjagaan ekosistem perairan.

SEDC Fisheries Sdn. Bhd. pula berperanan menyediakan platform sebenar industri kepada para pelajar dan penyelidik UMT untuk menjalankan latihan praktikal serta projek penyelidikan yang dipersetujui bersama.

Naib Canselor menyatakan bahawa MoU ini selaras dengan aspirasi UMT untuk menjadi peneraju dalam bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik, serta menyokong agenda nasional dalam memperkasa industri makanan dan keselamatan makanan negara.

Majlis ini turut mencerminkan komitmen kedua-dua pihak dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam aspek penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab dan industri, inovasi dan infrastruktur. Kerjasama ini akan membuka lembaran baharu peluang inovasi dan pengkomersialan hasil penyelidikan demi manfaat masyarakat dan negara.

Kunjungan Hormat AKUATROP ke Pejabat Timbalan Menteri M-FICORD Sarawak

KUKUHKAN JALINAN KERJASAMA STRATEGIK

oleh: Rohisyamuddin Othman
Prof. Dr. Muhammad Ikhwanuddin Abdullah
Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan



Pada 7 Mei 2025, satu kunjungan hormat telah dilakukan oleh Pengarah Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), Prof. Dr. Muhammad Ikhwanuddin Abdullah ke Pejabat Timbalan Menteri, Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD), Datuk Martin Ben, di Kuching, Sarawak. Lawatan ini turut dihadiri oleh dua orang pegawai AKUATROP, Prof. Madya. Dr. Nurul Ulfah Abdul Karim dan Encik Rohisyamuddin Othman serta Haji Busrah Bujang wakil dari SEDC Fisheries Sdn. Bhd..

Kunjungan ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan strategik antara UMT dan kerajaan negeri Sarawak dalam bidang perikanan dan akuakultur. Ia juga merupakan usaha proaktif AKUATROP untuk meneroka peluang kerjasama dalam penyelidikan, pemindahan teknologi serta program pembangunan komuniti perikanan di Sarawak.

Sepanjang pertemuan tersebut, kedua-dua pihak telah berbincang mengenai potensi kolaborasi dalam projek-projek perikanan berimpak tinggi



terutamanya yang melibatkan perikanan tangkap. Perbincangan turut menjurus kepada kerjasama dalam aspek latihan, pembangunan kapasiti, serta penglibatan komuniti nelayan dan usahawan perikanan di kawasan luar bandar.

Prof. Dr. Muhammad Ikhwanuddin Abdullah menyatakan bahawa AKUATROP komited untuk menyumbang kepakaran dan hasil penyelidikannya bagi menyokong agenda pembangunan makanan dan keselamatan makanan di Sarawak. Beliau turut menyambut baik keterbukaan M-FICORD untuk bekerjasama secara lebih menyeluruh dengan institusi pengajian tinggi seperti UMT.

Kunjungan ini mencerminkan komitmen AKUATROP dalam memperluas jalinan kerjasama rentas wilayah, seiring dengan peranan sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang perikanan dan akuakultur. Pertemuan ini juga bakal menjadi titik tolak kepada pelaksanaan program-program berimpak tinggi yang memberi manfaat bersama kepada industri dan masyarakat.

1. Sesi perbincangan bersama antara Datuk Martin Ben, Pengarah AKUATROP dan wakil pengurusan SEDC Fisheries Sdn. Bhd. semasa kunjungan hormat ke pejabat Timbalan Menteri, Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak.

UMT SERTAI PERTANDINGAN KUTIP SAMPAH

Spogomi World Cup Malaysia

oleh: Profesor Madya Ts. Dr. Shahrul Ismail
Dr. Dina Azleema Mohamed Nor
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan

UMT terus memperkukuh peranannya dalam memupuk kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar apabila sekumpulan pelajarannya telah menyertai Pertandingan Spogomi Peringkat Kebangsaan 2025 yang berlangsung di City Stadium, Pulau Pinang pada 24 Mei 2025.

Spogomi merupakan satu inisiatif global yang berasal dari Jepun, diperkenalkan oleh Kenichi Mamitsuka pada tahun 2008 yang menggabungkan aktiviti pengumpulan sampah dengan elemen pertandingan. Berkonsepkan sukan dan kesedaran alam sekitar, peserta bertanding dalam pasukan untuk mengutip dan mengasingkan sampah dalam tempoh masa tertentu. Mata diberikan berdasarkan jenis dan jumlah sampah yang dikutip.

Kini, Spogomi berkembang ke peringkat antarabangsa sebagai platform memupuk nilai kecergasan, kerja berpasukan, dan tanggungjawab sosial terhadap kebersihan persekitaran. Bagi peringkat kebangsaan edisi 2025, Malaysia menjadi salah sebuah negara yang terlibat dalam pemilihan wakil ke Spogomi World Cup 2025 di Jepun, dengan pertandingan kebangsaan dilangsungkan di beberapa lokasi termasuk Terengganu.

Di UMT, pemilihan wakil ke peringkat kebangsaan telah dibuat melalui



Program Mini Spogomi UMT yang dianjurkan pada 19 April 2025 di Pantai Tok Jembal, Kuala Nerus. Program ini dianjurkan oleh Kelab Teknologi Alam Sekitar (ENTECH), FTKK dengan kerjasama Kelab KEMAFIZ, NAVAL, dan Max G. Sebanyak 10 pasukan yang terdiri daripada 30 orang peserta dan 21 orang AJK pelaksana telah menyertai program ini. Program ini bukan sahaja berjaya menarik penyertaan pelajar UMT, malah turut memberi impak positif dalam menyemai kesedaran sivik dan kepentingan menjaga kebersihan pantai dalam kalangan komuniti kampus.

Pasukan yang terpilih mewakili UMT ke peringkat kebangsaan ialah pasukan "Rumah Menteri", yang terdiri daripada Muhammad Harith Haikal Rosdi, Ammar Ikhwan Khairul Izwan (Program Sarjana Muda Teknologi Alam Sekitar, FTKK) dan Taufiq Arrifin Noor Azhar (Program

Sarjana Muda Kewangan, FPEPS). Mereka telah dibimbing oleh Profesor Madya Ts. Dr. Shahrul Ismail, pensyarah kanan dari FTKK, yang turut bertindak sebagai pegawai pengiring rasmi pasukan.

Sepanjang pertandingan, peserta UMT menunjukkan daya kepimpinan, semangat kesukarelawanan, dan kerjasama berpasukan yang tinggi. Mereka telah menyusun strategi kutipan dan pengurusan masa dengan baik serta mematuhi semua peraturan pertandingan yang ketat. Sampah dikutip dan diasingkan mengikut kategori seperti plastik, logam, dan bahan tidak boleh dikitar semula selaras dengan objektif pertandingan dan SDG.

Menurut Dr. Shahrul, penyertaan dalam pertandingan ini bukan sahaja memperkasakan pembelajaran luar bilik kuliah, malah mendidik pelajar menjadi agen perubahan dalam isu kelestarian. “Spogomi adalah medan terbaik untuk pelajar memahami tanggungjawab sosial melalui pendekatan yang praktikal. Mereka belajar bahawa tindakan kecil seperti mengutip sampah boleh memberi impak besar terhadap kesejahteraan alam sekitar,” ujar beliau. Pasukan UMT pulang pengalaman berharga, semangat yang tinggi, serta iltizam untuk terus menyemarakkan kesedaran dan gerakan kebersihan dalam komuniti kampus.

Penyertaan UMT dalam pertandingan Spogomi adalah selari dengan beberapa Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang diusahakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pertama, SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan menekankan keperluan untuk mewujudkan persekitaran hidup yang



bersih, selamat dan mampan. Melalui aktiviti pengumpulan sampah secara sistematik dalam pertandingan Spogomi, peserta didedahkan kepada peranan individu dalam memastikan kawasan awam bebas daripada pencemaran, sekali gus menyumbang kepada kelestarian komuniti. Seterusnya, SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab dicapai melalui amalan pengasingan sisa, kesedaran tentang kitar semula, dan pendidikan mengenai pengurangan penggunaan bahan tidak mesra alam. Para peserta belajar secara langsung tentang kepentingan membuat pilihan lestari dalam kehidupan harian.

Selain itu, penyertaan ini turut menyumbang kepada SDG 13: Tindakan Iklim, memandangkan pengumpulan dan pengurusan sisa yang cekap berupaya mengurangkan kesan pencemaran serta pelepasan gas rumah hijau. Ini secara tidak langsung membantu usaha mitigasi perubahan iklim global.

Akhir sekali, SDG 14: Kehidupan di Bawah Air sangat relevan dengan lokasi pertandingan yang dijalankan berhampiran pantai. Dengan mengutip sisa sebelum ia memasuki laut, peserta secara aktif melindungi ekosistem marin daripada ancaman pencemaran plastik dan bahan buangan lain. Usaha ini menunjukkan komitmen tinggi pelajar terhadap perlindungan biodiversiti laut dan persekitarannya. Secara keseluruhannya, penyertaan dalam Spogomi menjadi satu manifestasi jelas bagaimana aktiviti luar bilik kuliah boleh digabungkan dengan pemerkasaan nilai sejagat dalam kalangan generasi muda.

PPAL UMT MENYEMAI LESTARI ALAM

Menjana Celik Wang

oleh: Norliawati Mohd Sidek
Akbar Ali Abd Kadir
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan



Universiti bukan sekadar medan mengejar ilmu akademik, tetapi juga ruang mendidik hati dan membentuk jiwa yang prihatin terhadap masyarakat serta alam sekeliling. Di UMT, prinsip ini terus diterjemahkan dalam pelbagai bentuk inisiatif, termasuk melalui program pemindahan ilmu yang merentas sempadan kampus dan turun menyantuni komuniti akar umbi. Terbaharu, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) telah melaksanakan sebuah program komuniti berkonsepkan kesedaran yang menggabungkan elemen pendidikan alam sekitar dan celik kewangan, dengan pendekatan yang mesra kanak-kanak dan berorientasikan nilai.

Program bertemakan *Kelestarian Alam dan Celik Kewangan* ini telah berlangsung di Sekolah Kebangsaan Pechah Rotan, Kuala Nerus, Terengganu pada 29 April 2025. Ia merupakan sebahagian daripada pelaksanaan tugas kursus PPA3173 Pembangunan Lestari, anjuran Jabatan Ilmu Dasar

dan Keusahawanan (JIDK), dengan penglibatan aktif mahasiswa kumpulan K1 dan kerjasama erat daripada Kelab AKPK UMT. Diselia oleh pensyarah kursus berkenaan, Puan Norliawati Mohd Sidek yang turut bertindak sebagai ketua projek, program ini memberi tumpuan kepada pendekatan pembelajaran tidak formal dalam menyampaikan ilmu berkaitan pemeliharaan alam sekitar dan pengurusan kewangan asas kepada murid-murid sekolah rendah.

Seramai 94 orang murid telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti interaktif yang dirancang secara sistematik dan sesuai dengan tahap perkembangan kognitif mereka. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk ceramah pendek, kuiz dan permainan berkonsepkan alam sekitar, simulasi jual beli serta penghasilan kreatif tabung impian yang memperkenalkan murid kepada idea penjimatan dan perancangan kewangan. Setiap aktiviti dirancang bukan sahaja untuk memberi



maklumat, tetapi juga untuk membina kesedaran dan kefahaman secara berperingkat, sambil menanam nilai tanggungjawab terhadap alam sekitar dan pengurusan diri dalam konteks kehidupan harian.

Peranan mahasiswa dalam program ini bukan hanya tertumpu kepada pengendalian aktiviti, malah mereka turut terlibat secara menyeluruh dalam perancangan, penyusunan bahan, dan pengurusan logistik. Melalui pengalaman ini, mahasiswa berpeluang mengaplikasikan ilmu pembangunan lestari dalam konteks sebenar, selain memperkukuh kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi berkesan, kerja berpasukan dan empati sosial. Ia menjadi satu platform pembelajaran yang menghubungkan teori kuliah dengan realiti masyarakat, memperlihatkan bagaimana pendidikan tinggi boleh berfungsi sebagai jambatan antara ilmu dan tindakan.

Bagi komuniti sekolah, khususnya murid-murid yang terlibat, program ini membuka ruang baharu untuk belajar di luar bilik darjah dalam suasana

yang ceria dan kondusif. Kehadiran mahasiswa universiti turut menjadi inspirasi buat mereka, selain memupuk minat terhadap pendidikan dan nilai murni. Sokongan daripada pihak sekolah juga mencerminkan kesediaan institusi pendidikan rendah untuk menerima pendekatan pendidikan luar kelas yang bersifat praktikal, reflektif dan bersifat kolaboratif antara institusi.

Secara keseluruhan, program ini berjaya mengangkat nilai-nilai pembangunan mampan dan pengurusan kewangan asas ke dalam ruang pembelajaran komuniti secara berstruktur dan berkesan. Inisiatif ini juga memperkukuh misi PPAL UMT dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah berupaya berbakti kepada masyarakat melalui ilmu dan nilai yang diperoleh sepanjang tempoh pengajian. Program ini sewajarnya dijadikan contoh dan diteruskan dalam siri pelaksanaan akan datang agar lebih ramai komuniti dapat merasai manfaatnya, dan mahasiswa dapat terus berkembang dalam peranan sebagai agen perubahan sosial yang aktif dan beretika.





MOBILITI OUTBOUND KE UNIVERSITAS PADJADJARAN

Buka Ruang Kerjasama Berimpak Tinggi

oleh: Prof. Madya ChM. Dr. Faizatul Shimal Mehamod
ChM. Dr. Soraya Shafawatii Mohamad Tahier
Prof Madya ChM. Dr Syara Kassim
Dr. Ahmad Nazif Aziz, Maulidiani
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Empat orang pelajar dari Program Sains Kimia, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) telah menyertai program mobiliti *outbound* di Universitas Padjadjaran (UNPAD), Bandung, Indonesia selama sebulan bermula pada 14 April 2025 sehingga 9 Mei 2025. Melalui program Mobiliti *Outbound* ini, pelajar bukan sahaja membawa nama UMT ke luar negara, malah pulang dengan segudang pengalaman dan ilmu yang sukar diperolehi dalam suasana pembelajaran biasa. Pelajar yang terlibat adalah Muhammad Shahrul Nizam Mohd Hanafi, Haifa Nurnisa Hassan, Abdul Wahid Abdul Talib dan Nur Ahmad Hafiz Mohd Fuzi.

Sepanjang sebulan berada di Faculty of Mathematics and Natural Sciences (FMIPA), UNPAD, para pelajar telah menjalani latihan industri yang memberikan mereka peluang sebenar merasai suasana bekerja di makmal penyelidikan antarabangsa. Mereka bukan sahaja mengaplikasikan ilmu kimia dalam konteks sebenar, malah turut mengasah kemahiran insaniah seperti bekerjasama secara efektif, berkomunikasi dengan baik, serta menyelesaikan masalah secara kolektif.

“Sepanjang latihan industri ini, kami tidak bekerja secara bersendirian. Kami berkongsi tugas secara kolaboratif, berkomunikasi secara berkesan untuk

menyelaras kerja-kerja makmal, dan saling menyokong dalam menyelesaikan sebarang cabaran yang timbul sepanjang prosedur makmal berlangsung,” kata Muhammad Shahrul Nizam dan Haifa Nurnisa.

Pelajar juga menghargai peluang yang diberikan untuk meneroka teknik penyelidikan baharu yang relevan dalam penyelidikan bidang kimia sekali gus memperkaya pengetahuan mereka dalam bidang yang berkaitan dengan projek latihan industri masing-masing.

Bagi Abdul Wahid dan Nur Ahmad Hafiz, latihan industri ini telah memberi pendedahan yang sangat berharga dalam suasana penyelidikan di luar Malaysia dan memberi peluang meneroka teknik baharu dalam penyelidikan produk semula jadi. “Kami amat menghargai peluang bekerja bersama penyelidik berpengalaman dan rakan pelajar di UNPAD yang sangat mesra. Suasana kolaboratif di sini dan keselarasan projek dengan topik projek tahun akhir kami

menjadikan pengalaman ini sangat bermakna”, tambah mereka lagi.

Bagi menyokong keberhasilan program ini, delegasi FSSM yang diketuai oleh Prof. Madya ChM. Dr. Faizatul Shimal Mehamod bersama tiga lagi pensyarah iaitu ChM. Dr. Soraya Shafawatii Mohamad Tahier, Dr. Ahmad Nazif Aziz dan Prof Madya ChM. Dr. Syara Kassim telah mengadakan lawatan akademik dan penyelidikan ke UNPAD pada 5 hingga 9 Mei 2025. Pelbagai inisiatif strategik berjaya dilaksanakan antaranya sesi perkongsian kepakaran menerusi syarahan yang memfokuskan pembangunan bahan inovatif mesra alam serta eksplorasi sumber semula jadi sebagai bahan mentah yang mampan. Perkongsian ilmu ini bukan sahaja menggalakkan pertukaran kepakaran rentas negara, malah memperkukuh usaha meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf global, sejajar dengan aspirasi SDG 4: Kualiti Pendidikan, memperluas akses kepada pendidikan berkualiti merentas sempadan.





Selain itu, satu sesi perbincangan rasmi telah diadakan bagi merangka pelan kerjasama penyelidikan dua hala antara UMT dan UNPAD. Dalam perbincangan ini, kedua-dua pihak mengenal pasti bidang tumpuan yang boleh dijadikan asas projek penyelidikan bersama, termasuk penyelidikan berimpak tinggi yang menyokong matlamat pembangunan lestari (SDG).

Selain itu, turut dibincangkan ialah kemungkinan untuk berkongsi penyeliaan pelajar pra dan pascasiswazah, terutamanya dalam projek penyelidikan yang dijalankan secara bersama. Langkah ini diyakini dapat meningkatkan kualiti penyelidikan serta pendedahan pelajar terhadap suasana akademik antarabangsa. Perbincangan ini turut disertai oleh rakan strategik UNPAD dari Chiba University iaitu Prof. Yasuo Izumi.

Kedua-dua universiti juga berbincang bagi memperkemas program mobiliti pelajar inbound dan *outbound*, melibatkan aspek tempoh, penilaian dan sokongan logistik bagi

melahirkan graduan global yang lebih bersedia, berdaya saing dan berimpak tinggi. Hasil perbincangan ini dijangka dapat menghasilkan satu model mobiliti yang lebih fleksibel, lestari, dan memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan sendiri pelajar berpaksikan SDG17: Kerjasama Demi Matlamat.

Usaha memperkasa latihan industri rentas universiti diteruskan dengan perbincangan antara dua universiti yang memfokuskan kepada penambahbaikan latihan industri rentas negara, menjadikan program ini lebih relevan dan berimpak tinggi untuk memenuhi kehendak industri global.

Lebih membanggakan, UNPAD turut bersetuju menghantar empat orang pelajarnya ke UMT dalam program Mobiliti Inbound dalam masa terdekat, sekali gus memeterai komitmen bersama dalam membina jaringan serantau yang mampan dan berkualiti.





PROGRAM MOBILITI OUTBOUND PRINCE OF SONGKLA UNIVERSITY

Kukuhkan Kerjasama Akademik Rentas Sempadan

oleh: Profesor Madya Ts. Dr. Shahrul Ismail
Dr. Nurul Ashraf Razali
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan

UMT telah menunjukkan komitmen kukuh terhadap kerjasama akademik serantau dengan menganjurkan program mobiliti akademik outbound antarabangsa bersama Prince of Songkla University (PSU), Kampus Pattani, Thailand. Program berimpak ini telah berlangsung selama tujuh hari bermula dari 27 April sehingga 3 Mei 2025.

Program bermula dengan penganjuran The 14th Sci-Tech Symposium pada 30 April oleh Fakulti Sains dan Teknologi PSU, bertemakan “Green Balance: Towards Carbon Neutrality.” Simposium ini berperanan sebagai platform penting untuk pertukaran ilmu akademik dan kerjasama merentas sempadan dalam penyelidikan berkaitan kelestarian.

Delegasi UMT memainkan peranan signifikan dalam memantapkan dimensi antarabangsa simposium ini antaranya melalui pembentangan jemputan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Shahrul Ismail bertajuk “Harnessing Biotechnology for a Sustainable Palm Oil Bio-Circular Economy”. Pembentangan ini mengetengahkan inovasi dalam bidang bioteknologi lestari dan teknologi hijau.

Simposium ini turut menampilkan bakat pelajar melalui sesi pembentangan lisan dan poster, dengan 13 anugerah disampaikan kepada penyertaan cemerlang dalam pelbagai kategori di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah. Penglibatan aktif pelajar UMT menyerlahkan komitmen universiti dalam kecemerlangan penyelidikan dan penglibatan akademik di peringkat antarabangsa.




Seterusnya, pada 1 dan 2 Mei, PSU menganjurkan seminar dan bengkel amali mengenai Penukaran Biojisim kepada Tenaga dan Bahan Biokimia, diketuai oleh Prof. Madya Dr. Prawit Kongjan dan Prof. Madya Dr. Rattana Jariyaboon. Sesi yang dijalankan menerusi kerjasama dengan UMT ini bertujuan untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran penyelidik serta pelajar dalam bidang pemprosesan biojisim, tenaga hijau dan kejuruteraan biokimia. Aktiviti yang dijalankan merangkumi sesi perkongsian ilmu, demonstrasi makmal dan perbincangan untuk merintis kerjasama penyelidikan akan datang.

Penglibatan aktif UMT dalam kedua-dua program ini menyerlahkan peranan universiti sebagai rakan akademik serantau yang strategik. Usaha ini bukan sahaja memperkukuh pemindahan ilmu dan penyelidikan bersama, malah sejajar dengan aspirasi UMT untuk memperkasa kelestarian melalui sains, inovasi, dan kerjasama akademik rentas sempadan.

“Penyertaan dalam simposium dan bengkel di PSU merupakan pengalaman yang sangat berharga. Saya berpeluang membentangkan penyelidikan, menerima maklum balas membina, dan berinteraksi dengan pelajar serta pakar dari latar belakang akademik yang berbeza. Ia benar-benar membuka minda saya dan menguatkan semangat untuk terus menyumbang dalam inovasi hijau”, ujar salah seorang peserta, Nurin Nuha Nazri.

UMT dan PSU tekad untuk terus memperkukuh kerjasama termasuk pertukaran pelajar dan pensyarah, penyelidikan bersama, serta program mobiliti akademik pada masa akan datang.





PPAL TERAP LITERASI SAINS

Didik Murid Jauhi Vape, Rokok dan Dadah

oleh: Norliawati Mohd Sidek
Akbar Ali Abd Kadir
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Masalah ketagihan terhadap vape, rokok, dan dadah bukan lagi isu terpencil dalam kalangan remaja. Malah, gejala ini semakin membimbangkan apabila mulai menular ke peringkat usia yang lebih muda sehingga turut melibatkan murid di sekolah rendah. Menyedari cabaran ini, UMT melalui Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan (JIDK) dan RIG 1, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan satu inisiatif program pemindahan ilmu kepada komuniti yang dinamakan “Jauhi Vape, Rokok & Dadah: Racun Perosak Hidup!”. Sekolah Kebangsaan Kompleks Tembesu, Kuala Nerus, menjadi komuniti sekolah yang terpilih dan lokasi program ini yang diadakan pada 14 Mei 2025.

Program ini dikendalikan oleh 18 orang ahli jawatankuasa yang terdiri daripada mahasiswa UMT yang sedang mengikuti kursus elektif PPA3143 Kimia

dan Masyarakat, dengan diketuai dan dibimbing sepenuhnya oleh pensyarah kursus iaitu Puan Norliawati Mohd Sidek sebagai ketua projek dan mentor utama. Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada tugas projek komuniti mereka yang berteraskan kesedaran sains dan kesihatan awam, dengan matlamat menyampaikan pendidikan awal tentang risiko penggunaan rokok elektronik (vape), rokok konvensional, dan terutamanya bahaya dadah rekreasi kepada murid-murid sekolah rendah melalui pendekatan interaktif dan praktikal yang disesuaikan dengan tahap kognitif mereka.

Dengan melibatkan penyertaan lebih 94 orang murid tahun enam, aktiviti seperti ceramah, simulasi, kuiz, dan juga permainan berasaskan sains telah ditampilkan dalam program ini bagi mencapai objektif utama untuk memperkenalkan konsep-konsep kimia asas yang berkait dengan bahan



terlarang. Selain itu, bertujuan untuk memberi pendedahan awal tentang kesannya terhadap kesihatan tubuh dan kesejahteraan mental manusia terutamanya kanak-kanak.

Beberapa bahan kimia utama yang berbahaya dan berkait rapat dengan kandungan dalam *vape*, rokok, dan juga dadah telah diperkenalkan kepada para peserta. Bahan-bahan ini termasuklah *nikotina*, *formaldehid*, *diasetil*, *methamphetamine* (syabu), ganja, dan dadah jenis heroin. Penerangan deskriptif tentang bahaya bahan-bahan kimia tersebut telah disampaikan secara santai melalui kupasan aspek saintifik berkaitan implikasinya terhadap sistem saraf, paru-paru dan juga fungsi kognitif.

Sepanjang program ini, enam aktiviti ringkas yang menyeronokkan dan padat dengan mesej kesedaran telah disediakan di enam stesen. Semua aktiviti dijalankan secara selari dan serentak oleh enam kumpulan peserta, antaranya melibatkan “*Vape Memory Game*”, “*Escape Vape Riddles*”, “*Truth or Myth*”, “*Rx Charades*”, dan “*Drug ID Challenge*”. Aktiviti pertama iaitu “*Vape Memory Game*” bertujuan mengasah ingatan melalui padanan istilah dan kesan kesihatan, manakala ‘*Escape Vape Riddles*’ pula menguji logik peserta dengan teka-teki berkaitan mitos dan fakta *vape*. Dalam “*Truth or Myth*”, para peserta diminta menilai pernyataan-pernyataan tentang rokok yang tertulis pada kad secara kritis.



“*Rx Charades*” pula menampilkan lakonan mimik simptom kesan penagihan tanpa suara oleh para peserta, diikuti tekaan oleh salah seorang peserta yang dipilih. Akhir sekali, “*Drug ID Challenge*” pula berupa aktiviti menarik yang memperkenalkan jenis-jenis dadah melalui pameran bahan visual. Melalui enam aktiviti yang dihasilkan ini, kreativiti mahasiswa UMT nyata terserlah dalam menghasilkan bahan bantu mengajar seperti kad imbas, teka-teki, dan simulasi gejala akibat dadah.

Semua aktiviti amali yang telah diintipatikan dalam program ini bukan sekadar untuk menyampaikan maklumat, malah bagi memperkukuh aspek kemahiran insaniah seperti kerjasama, komunikasi, dan empati dalam kalangan peserta. Setiap aktiviti berkenaan telah dirangka secara terperinci bagi menghubungkan ilmu sains dengan kehidupan sebenar dalam cara yang mudah difahami dan dekat dengan dunia murid.

Pelaksanaan program ini turut memberi nilai tambah kepada mahasiswa yang terlibat. Ia menjadi platform pembelajaran dwihala, di mana mahasiswa bukan hanya menyampaikan ilmu, malah berpeluang memahami konteks pendidikan komuniti, psikologi kanak-kanak, serta dinamika sosial sekolah rendah. Program ini membuktikan potensi sebenar institusi pengajian tinggi dalam menjadi pemangkin perubahan sosial melalui pendekatan yang inklusif dan lestari.



KURSUS PERDANA HAJI 1446H

Himpunkan Para Dhuyufurahman Seluruh Terengganu

oleh: Faizah Ismail
Pusat Islam Sultan Mahmud

Buat kali keempat berturut-turut, UMT telah menjadi tuan rumah kepada bakal jemaah haji bagi penganjuran Kursus Perdana Haji 1446H/2025M peringkat negeri Terengganu yang telah diadakan pada 11 dan 12 April 2025 bertempat di Pusat Islam Sultan Mahmud (PISM), UMT.

Ketua Pusat Islam Sultan Mahmud, Dr Kasyfullah Abdul Kadir berkata PISM sentiasa terbuka untuk menerima tawaran kerjasama untuk kebaikan ummah. “Pusat Islam Sultan Mahmud merupakan institusi agama yang menjadi pusat aktiviti ibadat bagi pelajar, staf mahupun orang awam. Kursus

persediaan kepada bakal jemaah haji yang dianjurkan di sini juga bertepatan dengan keperluan dari segi kemudahan fasiliti, ruang, keselesaan dan mesra jemaah”, ujarnya.

Pada kali ini, seramai 2100 orang peserta bakal haji yang terpilih telah berhimpun di PISM bagi mengukuhkan kefahaman bakal haji terhadap pelaksanaan ibadat haji dan memberikan maklumat terkini berhubung pengurusan haji sama ada di tanah air mahupun di tanah suci.

Kursus praktikal ibadat umrah dimulakan dengan tawaf, sai dan



tahallul manakala praktikal ibadat haji melibatkan wukuf di Mudzalfah, Mina dan melontar jamrah serta Tahalul Awwal dan Tahalul Thani ibadat haji.

Bakal jemaah haji diberikan simulasi dengan mengerjakan setiap pergerakan di tempat yang telah disediakan khas bagi memberikan gambaran yang lebih jelas.

Pada sebelah malamnya pula, majlis perasmian Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Terengganu Musim 1446H/2025M telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu, Haji Hishamuddin Abdul Karim.

Pusat Islam Sultan Mahmud sentiasa mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk mengimarah masjid dan sentiasa terbuka untuk bekerjasama. Program ini bukan sahaja telah memberikan peluang kepada UMT untuk menyantuni bakal haji malah memberikan peluang kepada warga UMT juga untuk menyumbang khidmat bakti sebagai sukarelawan haji.





CHEM&CARE

Singkap Bahaya Tersembunyi di Sebalik Krayon

oleh: Norliawati Mohd Sidek
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Di sebalik warna-warni yang membangkitkan kreativiti dan kegembiraan dalam dunia kanak-kanak, terselit satu realiti yang jarang disedari iaitu bahaya yang tersembunyi dalam bahan yang sering mereka gunakan setiap hari yang dinamakan krayon. Alat tulis ini kelihatan tidak berbahaya, bahkan menjadi medium utama ekspresi seni dan imaginasi dalam kalangan anak-anak kecil. Namun, adakah kita benar-benar memahami apa yang terkandung dalam sekotak krayon yang digunakan secara meluas di rumah, di sekolah, dan di pusat-pusat pendidikan awal kanak-kanak? Kesedaran tentang kandungan bahan kimia dalam produk ini masih rendah, dan inilah yang menjadi titik tolak kepada pelaksanaan satu program komuniti berimpak kesedaran yang dikenali sebagai *Chem&Care :Kenali Bahaya Krayon*.

Program ini telah dianjurkan oleh Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan (JIDK), Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), UMT dengan kerjasama

Tadika Showme Kids Gong Badak. Berlangsung pada 19 Disember 2024, program ini telah dikendalikan oleh pensyarah kursus Kimia dan Masyarakat (PPA3143), Puan Norliawati Mohd Sidek, bersama sepuluh orang mahasiswa UMT. Penganjuran program ini tidak sekadar memenuhi keperluan kursus universiti, malah ia menjadi satu manifestasi kesungguhan warga akademik dalam menyumbang ilmu secara langsung kepada masyarakat terutamanya golongan paling muda yang sering kali terlepas daripada perhatian apabila membincangkan isu keselamatan bahan kimia.

Sebagaimana yang tergambar dalam tajuknya, *'Chem&Care': Kenali Bahaya Krayon* membawa misi mendidik kanak-kanak prasekolah mengenai potensi bahaya bahan kimia dalam krayon secara santai dan menyeronokkan. Program ini dibina atas pendekatan pemindahan ilmu melalui elemen eksperimen mudah, permainan berunsurkan sains, dan aktiviti-aktiviti berbentuk interaktif yang disesuaikan

dengan tahap pemikiran serta keperluan kanak-kanak prasekolah. Walaupun masih kecil, mereka sebenarnya mampu memahami konsep asas berkaitan keselamatan dan kebersihan jika diberi pendedahan yang sesuai. Dalam konteks ini, krayon dijadikan simbol kepada banyak lagi bahan harian lain yang berpotensi membahayakan kesihatan jika tidak dikendalikan dengan betul. Melalui pendekatan pedagogi yang kreatif, program ini menekankan betapa pentingnya mendidik kanak-kanak tentang keselamatan sejak usia awal agar mereka membesar dengan sikap berhati-hati serta peka terhadap persekitaran.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini termasuklah eksperimen yang memperkenalkan konsep keselamatan krayon. Dalam satu sesi, peserta diperkenalkan kepada ujian ringkas bagi menentukan sama ada krayon larut air selamat digunakan atau sebaliknya. Sesi ini menggalakkan kanak-kanak untuk berfikir dan membuat perbandingan melalui pemerhatian sendiri. Dalam eksperimen berikutnya pula, peserta diberi penerangan mengenai potensi bahaya bahan kimia dalam krayon yang mungkin beracun jika tertelan atau digunakan dengan cara yang salah, seperti menggigit atau menghisap krayon.

Di penghujung program, satu aktiviti yang tipikal tetapi penting telah diselitkan bagi menekankan pentingnya amalan mencuci tangan selepas menggunakan krayon. Para peserta telah diajar teknik mencuci tangan dengan betul melalui pendekatan lagu dan gerakan yang menyeronokkan. Secara keseluruhannya, setiap aktiviti telah dirancang dengan teliti bagi memastikan mesej keselamatan dapat disampaikan tanpa menimbulkan ketakutan, tetapi sebaliknya menanam

rasa ingin tahu dan kesedaran diri dalam kalangan peserta cilik.

Walaupun program ini secara zahirnya mensasarkan penyertaan golongan kanak-kanak, impak program sebenarnya menjangkau ke sasaran lebih luas. Ia secara tidak langsung menyampaikan mesej kepada golongan dewasa, khususnya ibu bapa dan guru, tentang pentingnya membaca label kandungan produk, memahami bahan yang digunakan dalam alat tulis, dan membuat pilihan yang selamat untuk anak-anak.

Ini adalah kerana masyarakat masih belum sedar bahawa sesetengah krayon yang dijual di pasaran, khususnya yang murah dan tidak melalui proses kawalan mutu yang ketat boleh mengandungi bahan toksik seperti plumbum, kadmium, atau asbestos. Pendedahan terhadap bahan-bahan ini, walaupun dalam jumlah kecil tetapi secara berpanjangan, boleh memberi kesan buruk terhadap kesihatan dan perkembangan sistem saraf kanak-kanak. Oleh itu, pendedahan awal dan pencegahan adalah langkah terbaik bagi melindungi generasi akan datang.

Dalam konteks pendidikan dan keselamatan, pendekatan seperti yang dibawa oleh Chem&Care menjadi bukti bahawa ilmu tidak seharusnya terhad kepada dinding bilik kuliah atau makmal. Ilmu harus sampai ke akar umbi masyarakat, dalam bahasa yang mudah, dan dalam bentuk yang boleh diterima oleh pelbagai lapisan umur. Apa yang dilakukan oleh pensyarah dan mahasiswa UMT melalui program ini bukan sahaja mencerminkan keberkesanan kolaborasi antara universiti dan komuniti, malah menunjukkan bahawa institusi pengajian tinggi mampu memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial dan pendidikan rakyat.



HARI PENYELIDIKAN FSKM 2025

Lebarkan Jaringan Penyelidikan dan Kerjasama Akademik

oleh: Ts. Dr. Ashanira Mat Deris
Dr. Ummu Atiqah Roslan
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah menganjurkan Hari Penyelidikan FSKM 2025 pada 24 Februari 2025 bertempat di Dewan Persidangan 3, Pusat Konvensyen UMT (UMTCC). Program yang bertemakan “A Glimpse into Our Research” ini bertujuan untuk memberikan gambaran ringkas mengenai kajian yang sedang dijalankan oleh kumpulan penyelidik FSKM kepada peserta jemputan.

Program ini telah dihadiri oleh lebih 100 peserta termasuk penyelidik, ahli akademik, dan pelajar dari pelbagai institusi pendidikan tinggi di Terengganu dan juga Kelantan. Antara institusi yang

terlibat ialah Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Politeknik Kuala Terengganu (PKT), Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kota Bharu (IPG Kota Bharu), Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Dato’ Razali Ismail (IPG KDRI), dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA). Selain itu, program ini turut disertai oleh ahli akademik dan pelajar pascasiswazah FSKM.

Fokus utama penganjuran Hari Penyelidikan FSKM 2025 adalah untuk meningkatkan keterlihatan dan penglibatan fakulti dalam penyelidikan serta mengukuhkan kolaborasi dengan institusi luar. Program ini menyediakan platform bagi ahli akademik FSKM untuk

memperkenalkan kepakaran mereka dalam bidang Sains Komputer dan Sains Matematik kepada khalayak luar.

Selain itu, program ini bertujuan untuk menjalin kerjasama penyelidikan dengan rakan penyelidik daripada institusi lain bagi melaksanakan projek yang berimpak tinggi. Ia juga memberi peluang kepada FSKM untuk mengembangkan rangkaian kolaborasi antara institusi dalam dan luar UMT, berkongsi kepakaran melalui sesi perkongsian dan pameran penyelidikan, serta menonjolkan inovasi penyelidikan.

Program yang dirasmikan oleh Pro Naib Canselor (Strategi, Prestasi dan Korporat) UMT, Profesor Ts. Dr. Mohd Fadzil Mohd Akhir ini turut menyediakan ruang kepada penyelidik mempamerkan hasil penyelidikan dan inovasi melalui pameran poster. Melaluinya, institusi dan industri luar UMT boleh melihat potensi



inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik FSKM serta meneroka kemungkinan untuk mengaplikasikan penyelidikan ini dalam dunia sebenar.

Dalam pada itu, sesi perkongsian kepakaran dan pameran penyelidikan memberi gambaran menyeluruh kepada bakal pelajar mengenai kepakaran yang ditawarkan serta bidang penyelidikan yang boleh diterokai. Dengan penganjuran program seperti ini, FSKM dapat menonjolkan keupayaan penyelidikannya dalam menghasilkan kajian berkualiti tinggi serta membuktikan keupayaan fakulti sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang Sains Komputer dan Sains Matematik. Ini juga dapat meningkatkan daya saing fakulti di peringkat universiti dan nasional dalam usaha menarik lebih banyak rakan kolaborasi serta penyelidik berbakat.



FESTIVAL RAMADAN 1446H

Erat Hubungan Silaturrahim Warga Kampus dan Komuniti

oleh: Muhammad Farhan Othman
Faizah Ismail
Pusat Islam Sultan Mahmud

Festival Ramadan Masjid UMT pada tahun ini telah melakar kejayaan yang sangat bermakna, bukan sahaja dalam usaha mengimarahkan bulan mulia ini malah dalam memperkukuh hubungan silaturrahim antara warga kampus dan komuniti luar. Penganjuran program ini telah memberi impak besar kepada pembangunan sahsiah mahasiswa, perpaduan masyarakat, serta pengukuhan peranan Masjid UMT sebagai pusat komuniti yang aktif dan prihatin.

Sepanjang Ramadan, sebanyak tujuh aktiviti utama berjaya dilaksanakan melibatkan pengisian rohani seperti solat tarawih, tadarus al-Quran, iftar jamaie sebanyak 10,860 hidangan, dan Lestari Ramadan yang disampaikan oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Terengganu serta penganjuran program istimewa seperti Iftar Perdana bersama Naib Canselor dan Program Jom Kuca Bubur Lambuk serta agihan bubur lambuk kepada warga dan masyarakat setempat.

Dari sudut kebajikan, sebanyak RM115,265.13 berjaya dikumpulkan hasil sumbangan daripada pelbagai pihak dan

sebahagian diagihkan kepada 50 orang penerima asnaf terpilih. Ini menjadi satu usaha murni yang telah menyuburkan budaya memberi dan empati dalam kalangan warga universiti.

Lebih membanggakan, seramai 50 orang mahasiswa yang terdiri daripada enam kelab yang berada di bawah naungan PISM telah terlibat secara aktif sebagai sukarelawan dan penggerak program. Mereka ini sahaja membantu dari segi logistik malah turut memupuk kemahiran kepimpinan, kerjasama berpasukan dan rasa tanggungjawab sosial dalam diri mereka.

Melalui penganjuran Festival Ramadan ini, pihak universiti bukan sahaja berjaya memperkasa peranan masjid sebagai pusat ibadah, tetapi juga sebagai pusat kecemerlangan sahsiah, jaringan sosial dan penghubung erat antara universiti dengan komuniti luar. Impak positif ini membuktikan bahawa usaha sebegini amat bertepatan dengan aspirasi UMT untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga berjiwa insani, prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.



PROGRAM JIWA MURNI

Dekatkan Palapes Darat UMT dengan Masyarakat


oleh: Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Darat UMT

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Darat UMT telah melaksanakan Program Jiwa Murni bertempat di Masjid Kampung Lingai, Batu Rakit pada 23 Mei 2025. Program ini memfokuskan kerja-kerja pembersihan dalam dan luar masjid yang melibatkan seramai 10 orang Jurulatih dan 70 orang Pegawai Kadet PALAPES Darat UMT selain turut mendapat kerjasama daripada penduduk setempat.

Objektif utama Program Jiwa Murni ini adalah untuk menyemai semangat kesukarelawanan dan juga untuk memupuk nilai murni seperti kerjasama, keprihatinan dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat. Selain itu, program ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan pegawai kadet dengan masyarakat. Hubungan yang akrab akan meningkatkan lagi keutuhan dalam membina sebuah masyarakat dengan penuh keharmonian dan keamanan.

Program ini juga adalah sebagai satu tanda penghargaan kepada masyarakat setempat yang telah memberikan kerjasama semasa latihan medan iaitu latihan berterusan yang telah dilaksanakan oleh PALAPES Darat UMT pada 1 Mei hingga 10 Mei 2025 yang lalu.

Program ini diakhiri dengan jamuan makan yang telah disediakan oleh masyarakat setempat. Program seumpama ini sangat diberikan penekanan dalam modul kokurikulum UMT selaras dengan hasrat pucuk pimpinan tertinggi Tentera Darat dan akan terus dilaksanakan pada masa akan datang dalam melahirkan bakal pemimpin yang berkualiti, berakhlak tinggi dan berkredibiliti.





SANTUNI KASIH FSKM

Rai Anak Yatim Darul Falah

oleh: Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri Husin
Nur Adilah Ahmad Shamsul
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Pada 25 April 2025, Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah menganjurkan program kemasyarakatan Santuni Kasih: Together We Care, Together We Share sempena sambutan Aidilfitri bersama anak-anak yatim dari Asrama Anak Yatim Darul Falah, Bukit Payong. Program ini bertujuan untuk menyemai nilai murni, menyantuni anak-anak yatim serta mengeratkan silaturrahim antara mahasiswa dan komuniti luar.

Program ini melibatkan seramai 17 orang ahli jawatankuasa, 25 orang sukarelawan, serta diiringi oleh seorang pensyarah pengiring dari FSKM. Kehadiran mereka bukan sahaja memeriahkan suasana tetapi juga mencerminkan semangat kebersamaan dan keprihatinan terhadap masyarakat.

Bagi memastikan penglibatan yang lebih teratur, anak-anak yatim ini telah dibahagikan kepada 10 kumpulan, dan setiap kumpulan disertai oleh seorang AJK atau sukarelawan yang bertindak sebagai fasilitator serta sahabat. Strategi ini membolehkan interaksi yang lebih rapat dan mesra antara mahasiswa dan anak-anak yatim selain memudahkan perjalanan aktiviti yang dijalankan.

Kemuncak program ini adalah aktiviti permainan yang melibatkan lapan stesen di mana setiap stesen mengandungi permainan berasaskan fizikal, minda dan kerjasama berkumpulan. Aktiviti ini bukan sahaja menceriakan suasana, malah menggalakkan interaksi yang mesra antara anak-anak yatim dan para mahasiswa. Mereka perlu bekerjasama dalam kumpulan untuk menyelesaikan setiap cabaran yang secara tidak langsung membina nilai-nilai seperti kepimpinan, kerjasama, serta saling menghormati.

Acara diserikan lagi dengan penyampaian hadiah kepada kumpulan terbaik, serta pemberian duit raya kepada anak-anak yatim yang disampaikan oleh penyelarar HIMMAT, Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri Husin. Momen ini disambut penuh kegembiraan oleh semua yang terlibat. Menurut penyelarar HIMMAT, "Santuni Kasih bukan sekadar sambutan Aidilfitri, tetapi satu inisiatif kemasyarakatan yang memupuk nilai empati, kasih sayang dan kesedaran sosial dalam kalangan mahasiswa. Program seperti ini mendidik mahasiswa untuk lebih prihatin terhadap keperluan golongan yang kurang bernasib baik, sekaligus membentuk jati diri dan kepimpinan melalui pengalaman secara langsung".



PENDAKIAN BUKIT TOK SALAI

Menyatukan Komuniti dan Alam

oleh: Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri Husin
Prenisha A/P Sivadev
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Seramai 37 pelajar dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah menyertai program Jejak Ceria, Jiwa Terisi: Pendakian yang Menyatukan Komuniti dan Alam yang berlangsung pada 19 April 2025 di Bukit Tok Salai, Terengganu. Program ini menggabungkan kesihatan fizikal, kesejahteraan mental, kesedaran alam sekitar, dan semangat kebersamaan dalam satu pengalaman mendaki yang luar biasa.

Pengarah program, Prenisha Sivadev berkata, program ini memberi peluang kepada para pelajar untuk melepaskan tekanan akademik melalui pendakian santai sambil menikmati keindahan flora dan fauna. Menariknya, kumpulan ini menjadi kumpulan pertama yang berpeluang mendaki menggunakan laluan baharu yang belum digunakan dengan pengawasan daripada tujuh orang renjer.

Program ini secara tidak langsung, menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) ke-3 (Kesihatan

dan Kesejahteraan Baik) serta ke-15 (Kehidupan di Daratan). Lebih membanggakan, tahap kebersihan kawasan pendakian menunjukkan peningkatan selepas program dijalankan yang mencerminkan keprihatinan peserta terhadap alam sekitar.

Walaupun berdepan cuaca panas dan tahap kecergasan yang berbeza antara peserta, program ini jelas berpotensi untuk diteruskan dan ditambah baik. Cadangan seperti latihan fizikal awal, taklimat keselamatan yang lebih terperinci, dan jadual rehat yang tersusun akan menjadikan edisi seterusnya lebih inklusif dan menyeronokkan.

Jejak Ceria, Jiwa Terisi: Pendakian yang Menyatukan Komuniti dan Alam membuktikan bahawa melalui aktiviti sederhana seperti mendaki, kita mampu membina komuniti yang sihat, menanam nilai murni, dan menyemai rasa cinta terhadap alam. Pendakian ini bukan sekadar langkah kaki, tetapi jejak perubahan untuk masa depan yang lebih lestari.

Solusi Kehidupan Dengan Terapi Zikir Asma'ul Husna Al-Fattah (Siri 20)

Oleh:

Dr. Mohd Radhi Abu Shahim

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Pengenalan

Antara nama Allah SWT dalam rangkaian Asmaul Husna ialah Allah al-Fattah iaitu Allah Yang Maha Membukakan sesuatu. Allah SWT membuka pintu-pintu kebaikan, rahmat dan sebagainya kepada orang-orang yang beriman dan orang-orang yang dikasihi-Nya dalam kalangan orang-orang yang soleh.

Perbincangan

Apabila membicarakan mengenai Allah al-Fattah, maka terdapat tujuh perkara yang dibukakan Allah SWT kepada orang-orang beriman.

Allah akan mencukupkan rezeki setiap makhluk-Nya

Allah al-Fattah membuka ilmu pengetahuan kepada manusia. Kerana itu, orang Islam diajar untuk memulakan apa-apa majlis ilmu dengan berdoa. Antara doa yang sering dibacakan ialah:

“Ya Allah bukakan kepada kami hikmat-Mu dan limpahkanlah rahmat dari khazanah-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Rahmat”

Pada 1400 tahun yang lalu, terdapat sebilangan ilmu yang tidak dibukakan kepada manusia dan dikatakan banyak ilmu dibukakan kepada orang kafir. Sebenarnya, jika difikirkan bukanlah ilmu itu banyak dibukakan kepada mereka tetapi ilmu itu dibukakan untuk orang yang tekun belajar. Bagi situasi masa kini, umat Islam kurang gemar dalam mendalami dan menekuni ilmu. Jika dilihat kepada bilangan universiti di Eropah sahaja telah mencecah lebih daripada 5000 universiti berbanding di negara-negara umat Islam yang tidak mencecah bilangan tersebut. Budaya ilmu lebih dimonopoli oleh orang Barat.

Allah SWT ada menyatakan dalam al-Quran bahawa ilmu yang lebih bermanfaat bagi kehidupan di dunia dan di akhirat diberikan kepada orang-orang yang beriman. Katakan hari ini manusia diberikan ilmu sains, jika ilmu sains itu diperolehi oleh orang Islam akan membawanya ke akhirat tidak hanya di dunia sahaja mendapat kelebihan tersebut.

Namun, berbeza pula jika dibandingkan dengan orang kafir, ilmu itu hanya sekadar di dunia sahaja. Dibukakan ilmu Matematik, sebagai contoh tokoh agung Matematik ialah al-Khawarizmi. Selain itu, dibukakan ilmu perubatan kepada Ibnu Sina yang bukan hanya perubatan semata-mata tetapi ilmu tersebut membawa kebaikan di dunia sampai di akhirat. Terdapat beberapa ilmu yang tidak diketahui pada zaman dahulu, tetapi mampu untuk diketahui pada zaman serba canggih ini. Ketika ulama tafsir mentafsirkan ayat al-Quran yang bermaksud:

“Tuhan yang menjadikan untukmu api dari kayu yang hijau, maka tiba-tiba kamu nyalakan (api) dari kayu itu”

(Yasin 36: 80)

Allah SWT yang menjadi pepohon hijau adanya bahan bakaran, pasti kamu akan nyalakan bahan bakaran tersebut. Suatu ketika dahulu, ahli tafsir memikirkan bagaimana pada pohonan

hijau terdapatnya bahan bakar? Kini dengan izin Allah SWT, manusia tahu bagaimana pohonan boleh menjadi bahan bakar iaitu perlu dikeringkan terlebih dahulu. Pada zaman teknologi Bio-Diesel ditemui, rupa-rupanya minyak boleh diekstrak daripada pokok dan minyak tersebut boleh dinyalakan.

Inilah salah satu bukti kebesaran Allah SWT dan menyuruh setiap hamba-Nya untuk mencari ilmu. Selain daripada ilmu yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT, manusia perlu juga mencari, mempelajari dan meneladani ilmu. Semakin banyak guru yang kita belajar, maka semakin banyak ilmu yang dibukakan oleh Allah SWT kepada kita.

Allah SWT membukakan keyakinan kepada hamba-Nya

Dalam makna lain, keyakinan adalah Iman. Keyakinan adalah salah satu daripada yang dibukakan oleh Allah SWT kepada manusia. Setiap Muslim wajib meyakini kekuasaan Allah SWT. Namun, terdapat sebilangan manusia tidak yakin dengan kekuasaan Allah SWT. Contohnya, umat pada zaman Nabi-Nabi terdahulu, walaupun Nabi-Nabi terdahulu menunjukkan mukjizat mereka, namun terdapat juga manusia yang tidak mahu beriman kepada Allah SWT. Perkara ini kerana Allah SWT tidak membukakan keyakinan kepada mereka.

Allah SWT membuka jalan keselamatan kepada hamba-Nya

Allah al-Fattah membuka jalan-jalan dan pintu-pintu keselamatan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Oleh itu, hukumkanlah antaraku dengan mereka, dengan hukuman tegas (yang menegakkan yang benar dan melenyapkan yang salah), serta selamatkanlah aku dan orang-orang yang beriman yang bersama-sama denganku"

(Asy-Syu'araa' 26:118)

Allah SWT menurunkan pelbagai ujian kepada para Nabi. Maka Nabi berdoa seperti doa di atas supaya Allah SWT membuka pintu keselamatan kepada orang yang beriman.

Allah SWT membukakan nikmat kepada hamba-Nya

Allah al-Fattah juga membukakan pintu-pintu nikmat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Apa jua jenis rahmat yang dibukakan oleh Allah kepada manusia, maka tidak ada sesuatupun yang dapat menahannya; dan apa jua yang ditahan oleh Allah maka tidak ada sesuatupun yang dapat melepaskannya sesudah itu. Dan (ingatlah) Dia lah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

(Faatir 35:2)

Allah SWT bukakan nikmat kepada hamba-Nya. Kerana itu nikmat yang ada perlu diusahakan dan dimohon kepada Allah SWT. Jangan pula sombong dengan nikmat yang telah Allah SWT kurniakan. Allah al-Fattah boleh memberikan apa-apa sahaja nikmat melalui apa-apa sahaja pintu nikmatnya. Secara ringkasnya nikmat Allah SWT terbahagi kepada lima;

- Nikmat Asasiyyah, seperti udara dan air;
- Nikmat Badaniyyah, seperti kesihatan tubuh badan;
- Nikmat 'Akliyyah, iaitu nikmat berfikir dan nikmat boleh mendapatkan ilmu;
- Nikmat Qalbiyyah, iaitu nikmat yang menyenangkan hati; dan
- Nikmat Imaniyyah, iaitu nikmat iman.

Allah SWT membukakan hidayah kepada hamba-Nya yang dikehendaki

Allah Yang Maha Membuka akan membukakan hidayah kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Hidayah bermaksud gerak hati yang selaras dengan keredaan Allah SWT. Sebenarnya, manusia bertindak mengikut gerak hatinya. Orang yang diberi hidayah oleh Allah SWT akan ditunjukkan

jalan yang lurus bagi mereka, secara tidak langsung gerak hati mereka juga selaras dengan keredaan Allah SWT. Maka kita sebagai hamba-Nya, berdoalah dan mohonlah hidayah dari-Nya.

Allah SWT membukan keberkatan kepada hamba-Nya

Keberkatan bermaksud pertambahan kebaikan. Jika seseorang dalam keadaan sihat, rohani dan jasmani, terdapat keberkatan pada kesihatan itu, maka dengan keberkatan itu akan mencambahkan lagi perkara-perkara yang baik. Keberkatan pada harta, dengan harta itu dapat dimanfaatkan dengan cara melakukan kebaikan seperti menggunakannya untuk menunaikan haji, bersedekah, zakat, wakaf dan sebagainya.

Tanpa keberkatan pada harta, harta itu akan habis digunakan ke arah perkara yang sia-sia dan tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada diri mahupun orang lain. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan”.

(Al-A'raaf 7:96)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menyatakan bahawa sekiranya penduduk sesebuah tempat itu beriman dan bertaqwa, Allah SWT akan membukakan untuknya keberkatan, Cara untuk mendapatkan keberkatan dalam kehidupan ialah dengan mentaati Allah SWT dan menjaga adab. Secara ringkasnya daripada adab lahirnya keberkatan.

Allah SWT membuka keberkatan kepada hamba-Nya

Allah al-Fattah membukakan pintu rahmat untuk hamba-Nya. Rahmat dan kasih sayang Allah SWT akan diberikan kepada semua hamba-Nya di dunia. Apabila Allah SWT memberikan rahmat kepada hamba-Nya, Allah tidak akan meninggalkan hamba itu keseorangan. Diberikan jalan keluar untuk setiap permasalahan yang dialami. Apabila hamba-Nya mempunyai hajat, Allah SWT akan penuhi hajatnya. Sehingga orang yang mendapat rahmat Allah SWT boleh sampai ke satu peringkat yang tertinggi yang mana mencapai tahap Allah SWT meredainya dan dia meredai Allah. Hal ini disebutkan dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Allah reda akan mereka dan merekapun reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberian-Nya”

(Al-Bayyinah 98:8)

Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW ada meriwayatkan, antara cara untuk membuka rahmat Allah SWT ialah dengan lisan iaitu dengan berdoa. Nabi SAW bersabda yang bermaksud

“Jika kamu melangkah masuk ke dalam masjid, maka hendaklah kamu berkata "Ya Allah bukakanlah pintu-pintu rahmat-Mu" dan apabila kamu melangkah keluar, hendaklah kamu berkata "Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu segala keutamaan-Mu”

(Riwayat Muslim)

Kesimpulan

Selain daripada amalan-amalan soleh yang dapat membuka ilmu, iman, keselamatan, nikmat, hidayah, berkat dan rahmat. Lisan juga perlu dilatih untuk sentiasa memohon agar Allah SWT membuka segala pintu-pintu rahmat-Nya kepada kita. Sekiranya seseorang ingin mengetahui sama ada sepanjang kehidupannya telah dibukakan Allah SWT dalam keberkatan, maka hitunglah perkara baik yang telah dilakukan sepanjang hidup. Jika banyak hitungannya, bermakna umurnya telah dibukakan dengan keberkatan.

